





KEMENTERIAN PENDIDIKAN

PENGURUSAN KEMUDAHAN CUTI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM


SUMBER DASAR DAN PERATURAN



**Perintah Am Bab C
(Cuti) Tahun 1974**




**Pekeliling Perkhidmatan
Sumber Manusia
(MyPPSM)**



**Pekeliling
Perkhidmatan**



**Surat Pekeliling
Perkhidmatan**



Surat Edaran

PRINSIP PEMBERIAN CUTI

TAKRIFAN

CUTI

Perintah Am 1(i) Bab C

“Sebarang tempoh seseorang pegawai itu dibenarkan meninggalkan tugasnya dan peninggalan tugas itu tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau sebagai berhenti kerja”.

Keistimewaan yang boleh ditarik balik pada bila-bila masa, jika didapati perlu.

Diberi dengan **saksama** kepada pegawai yang layak.

Cuti Bukan Hak

Berasaskan kepada kriteria-kriteria **kebajikan** serta peningkatan kepada **perkhidmatan** serta status anggota perkhidmatan awam.

KUASA TERTENTU

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau SUK Negeri, mengikut mana yang berkenaan.

Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 tahun 1985 – **Perwakilan kuasa** dari Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam kepada **Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian** (19 perkara perkhidmatan)

Perintah Am 1(vi) Bab C



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

BPSM, KPM



KETUA JABATAN

Ketua Setiausaha (KSU) kepada Kementerian, Ketua Jabatan, Ketua sesuatu Perkhidmatan, mengikut mana yang berkenaan.

Perintah Am 1(v) Bab C

TEMA CUTI



KOD CERAIAN	TEMA
SR.5.1	Cuti Kerana Perkhidmatan
Ceraian SR.5.1.1	Kadar Cuti Rehat Tahunan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan
Ceraian SR.5.1.2	Kemudahan Cuti Separuh Gaji Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan
Ceraian SR.5.1.3	Kemudahan Cuti Tanpa Gaji Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan
Ceraian SR.5.1.4	Cuti Tanpa Gaji Bagi Pegawai Yang Mengikut Pasangan Bertugas Atau Berkursus Di Dalam Atau Di Luar Negara
Ceraian SR.5.1.5	Kemudahan Cuti Rehat Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
Ceraian SR.5.1.6	Kemudahan Membawa Ke Hadapan Cuti Yang Tidak Dapat Diambil Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan
Ceraian SR.5.1.7	Kemudahan Cuti Rehat/Cuti Rehat Khas Selepas Berkursus Lebih 12 Bulan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan
SR.5.2	Cuti Atas Urusan Peribadi, Keluarga dan Kecemasan
Ceraian SR.5.2.1	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat
Ceraian SR.5.2.2	Kemudahan Cuti Menjaga Anak
Ceraian SR.5.2.3	Kemudahan Cuti Untuk Mengambil Peperiksaan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan
Ceraian SR.5.2.4	Kemudahan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Disapina Untuk Hadir Ke Mahkamah Di Luar Stesen
Ceraian SR.5.2.5	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Kursus Sambilan Kepada Pegawai Yang Mengikuti Pengajian Secara Sambilan Di Institusi Pengajian Tinggi Dalam Negara
SR.5.3	Cuti Atas Sebab Keagamaan dan Kebudayaan
Ceraian SR.5.3.1	Kemudahan Cuti Haji

2



KOD CERAIAN	TEMA
	Ceraian SR.5.3.2 Kemudahan Cuti Umrah
	Ceraian SR.5.3.3 Kemudahan Cuti Keagamaan
	Ceraian SR.5.3.4 Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Sempena Pesta Kaamatan Dan Hari Gawai
	Ceraian SR.5.3.5 Kemudahan Kelayakan Cuti Tanpa Rekod Perayaan Vaisakhi
	Ceraian SR.5.3.6 Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Hari Deepavali Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Menganut Agama Hindu
	Ceraian SR.5.3.7 Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Good Friday Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Menganut Agama Kristian
	Ceraian SR.5.3.8 Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Sempena Tahun Baru Siam (Songkran) Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Berketurunan Siam
SR.5.4	Cuti Atas Sebab Perubatan dan Penjagaan Orang Sakit
Ceraian SR.5.4.1	Kemudahan Cuti Bersalin Pegawai Perkhidmatan Awam
Ceraian SR.5.4.2	Kemudahan Cuti Isteri Bersalin
Ceraian SR.5.4.3	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Menderma Organ
Ceraian SR.5.4.4	Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan
Ceraian SR.5.4.5	Peraturan Berkaitan Penerimaan Sijil Sakit Swasta Untuk Tujuan Kemudahan Cuti Sakit
Ceraian SR.5.4.6	Penerimaan Sijil Sakit Yang Dikeluarkan Oleh Hospital/Klinik Di Singapura
Ceraian SR.5.4.7	Kemudahan Cuti Sakit Tibi, Kusta dan Barah Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan
Ceraian SR.5.4.8	Kemudahan Cuti Sakit Lanjutan bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan

3



KOD CERAIAN	TEMA
	Ceraian SR.5.4.9 Kemudahan Cuti Sakit Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan
SR.5.5	Cuti Untuk Urusan Pertubuhan Ikhtisas, Kesatuan dan Kemasyarakatan
Ceraian SR.5.5.1	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan Yang Dipilih Untuk Mengambil Bahagian Dalam Sukan-Sukan Perwakilan
Ceraian SR.5.5.2	Kemudahan Cuti Latihan Pasukan Sukarela Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan
Ceraian SR.5.5.3	Kemudahan Cuti Menghadiri Aktiviti Pertubuhan/Persatuan
Ceraian SR.5.5.4	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Dilantik Sebagai Jurulatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)
Ceraian SR.5.5.5	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Menyertai Musabqah Al-Quran Di Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa
Ceraian SR.5.5.6	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Dipilih Untuk Mengambil Bahagian Dalam Lawatan Kebudayaan Di Luar Negeri
Ceraian SR.5.5.7	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Melaksanakan Aktiviti Khidmat Masyarakat
SR.5.6	Urusan-Urusan Lain Berkaitan Cuti
Ceraian SR.5.6.1	Kemudahan Cuti Gantian

4

6 Kod Ceraian

6 Tema

37 Ceraian

SR.5.1: Cuti Kerana Perkhidmatan

**SR.5.2: Cuti Atas Urusan Peribadi,
Keluarga dan Kecemasan**

**SR.5.6: Urusan-
Urusan Lain
Berkaitan Cuti**

TEMA CUTI

**SR.5.5: Cuti Untuk
Urusan Pertubuhan
Ikhtisas, Kesatuan dan
Kemasyarakatan**

**SR.5.4: Cuti Atas Sebab
Perubatan dan
Penjagaan Orang Sakit**

**SR.5.3: Cuti Atas Sebab
Keagamaan dan
Kebudayaan**

CUTI KERANA PERKHIDMATAN

PERKHIDMATAN MELAYAKKAN

“Perkhidmatan yang diambil kira bagi mengira kelayakan mendapat cuti seseorang pegawai dan terdiri daripada masa-masa bertugas, cuti rehat, cuti sakit dan cuti penggal/semester bergaji penuh tetapi **tidak termasuk** Cuti Separuh Gaji, Cuti Tanpa Gaji, Cuti Haji, Cuti Sakit Tibi, Kusta dan Barah dan Cuti Belajar.”

Perintah Am 1(ix) Bab C

Cuti Rehat Tahunan

PAC 8(a) / Ceraian SR.5.1.1 /
SPP KPM 2/2001

Cuti Separuh Gaji

PAC 13(a)(ii) / PAC 51(a)(ii) /
Ceraian SR.5.1.2

Cuti Tanpa Gaji

PAC 14(a) / PAC 52 / Ceraian SR.5.1.3

Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan Bertugas/Berkursus

Ceraian SR.5.1.4

Cuti Rehat Khas

Ceraian SR.5.1.5

Kemudahan Membawa Ke Hadapan Cuti Yang Tidak Dapat Diambil

Ceraian SR.5.1.6

Cuti Penggal Sekolah

PAC 50(a)

TAKRIFAN PERKHIDMATAN YANG MELAYAKKAN

Perintah Am 1(ix) Bab C

PERKHIDMATAN YANG MELAYAKKAN

- i. Masa-masa bertugas;
- ii. Cuti Rehat/Cuti Rehat Khas;
- iii. Cuti Sakit Bergaji Penuh; dan
- iv. Cuti Penggal/Semester

bergantung kepada
PERKHIDMATAN
YANG MELAYAKKAN

PERKHIDMATAN YANG TIDAK MELAYAKKAN

- i. Cuti Separuh Gaji (termasuk CSLSG);
- ii. Cuti Tanpa Gaji (termasuk CSLTG);
- iii. Cuti Haji;
- iv. Cuti Tibi, Kusta dan Barah; dan
- v. Cuti Belajar

akan MENJEJASKAN
KELAYAKAN CUTI
seperti CR*, dll.

CUTI REHAT

PAC 7, PAC 8(a) & Ceraian SR.5.1.1



Cuti bergaji penuh yang diberi kerana **perkhidmatan yang melayakkan** dalam sesuatu tahun, dari bulan Januari hingga Disember.

Perintah Am 1(ii) Bab C

Pegawai digalakkan mengambil cuti rehat untuk tujuan kecekapan demi kepentingan pegawai itu sendiri.

Kuasa melulus ialah **Ketua Jabatan**.

CUTI REHAT TAHUNAN PENGETUA / GURU BESAR

SPP KPM Bil. 2/2001 (1 Januari 2001)

- Pengetua / Guru Besar tertakluk kepada peruntukan waktu bekerja mengikut Perintah Am Bab G.
- Tidak menikmati Cuti Penggal & Cuti Rehat Khas.
- Masa bekerja harian Pengetua / Guru Besar ditetapkan dengan mengambil kira tempoh bekerja hendaklah sama dengan jumlah masa bekerja pegawai awam lain yang bekerja mengikut waktu pejabat.

CUTI REHAT

PAC 7, PAC 8(a) & Ceraian SR.5.1.1




CUTI REHAT TAHUNAN PPP DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU

Surat JPA.SARAAN(S)63/5/8 JLD.4(4) (4 Julai 2019)

- Pelaksanaan Cuti Rehat Tahunan bagi menggantikan Cuti Rehat Khas kepada PPP di Institut Pendidikan Guru, KPM.
- Kadar Cuti Rehat Tahunan bagi PPP yang terlibat ditetapkan mengikut MyPPSM Ceraian SR.5.1.1.
- PPP yang bertugas di Institut Pendidikan Guru tidak lagi menikmati Cuti Rehat Khas dan Cuti Penggal.
- Berkuat kuasa mulai **1 Januari 2020**.

CUTI REHAT TAHUNAN




KADAR KELAYAKAN CUTI REHAT TAHUNAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

Tarikh Lantikan Pertama/Baharu	Kurang 10 Tahun Perkhidmatan Yang Melayakkan				Genap 10 Tahun Perkhidmatan Yang Melayakkan			
	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tertinggi	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tertinggi
Sebelum 1 September 2005	20	25	30	30	25	30	35	35
Mulai 1 September 2005 hingga 31 Disember 2008	20	25	30	30	25	30	30	30
Mulai 1 Januari 2009	20	25	25	25	25	25	25	25

SR.5.1.1: Mulai 1 Januari 2016

KADAR CUTI REHAT BERUBAH APABILA ANGGOTA DILANTIK (LANTIKAN PERTAMA) SELEPAS 1 SEPTEMBER 2005

JAWATAN	TARIKH DILANTIK	KADAR CUTI REHAT YANG LAYAK
PPT N27	1 Oktober 2005	25 hari
PPT N32	1 Disember 2012	30 hari
Tempoh perkhidmatan enap 10 tahun & lebih	1 Oktober 2015	30 hari



PP 20/2005 (1.09.2005)

KADAR CUTI REHAT BERUBAH APABILA ANGGOTA DILANTIK DALAM SKIM BERLAINAN/KPSL MULAI 1 SEPTEMBER 2005

JAWATAN	TARIKH DILANTIK	KADAR CUTI REHAT YANG LAYAK
PT N17	2 Jan 1992	20 hari
PT N17 (10 tahun)	2 Jan 2002	25 hari
KPT N22	20 Sept 2006	30 hari
PPT N27	19 Jun 2007	Lantikan 1.09.2005 hingga 31.12.2008 25 hari
PPT N27 (10 tahun)	19 Jun 2017	30 hari

1 Jan 2016

PP 20/2005 (01.09.2005) PP 11/2015: 01.01.2016

Ceraian SR.5.1.1

Tarikh Lantikan Pertama/Baharu	Kurang 10 Tahun Perkhidmatan Yang Melayakkan				Genap 10 Tahun Perkhidmatan Yang Melayakkan			
	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tertinggi	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tertinggi
Sebelum 1 September 2005	20	25	30	30	25	30	35	35
Mulai 1 September 2005 hingga 31 Disember 2008	20	25	30	30	25	30	30	30
Mulai 1 Januari 2009	20	25	25	25	25	25	25	25

1. Encik Sham dilantik pada 15 November 2005 sebagai Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F29. Pada 18 Februari 2014, pegawai dilantik ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F41. Berapakah kelayakan Cuti Rehat beliau mulai 1 Januari 2016?

Pegawai dilantik oleh Pihak Berkuasa Melantik yang sama di bawah Perkhidmatan Awam Persekutuan iaitu SPA bagi jawatan pertama (F29) dan jawatan baharu (F41).

Mulai 1 Januari 2016, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan pegawai adalah sebanyak 30 hari iaitu berdasarkan tarikh lantikan tetap pertama (15 November 2005) di bawah Perkhidmatan Awam Persekutuan dan pegawai telah mempunyai genap 10 tahun perkhidmatan yang melayakkan (dikira mulai 15 November 2005).

2. Lantikan pertama Puan Nurul pada 7 Jun 1999 sebagai Pembantu Teknik Ukur, Gred J5. Kemudian, pegawai dinaikkan pangkat ke Gred J36 dengan kadar Cuti Rehat 35 hari. Pada 5 Mei 2015, pegawai dilantik ke jawatan Jurugeospasial, Gred J41 dengan kadar Cuti Rehat 25 hari. Berapakah kelayakan Cuti Rehat beliau mulai 1 Januari 2016?

Mulai 1 Januari 2016, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan pegawai ialah sebanyak 35 hari iaitu berdasarkan tarikh lantikan tetap pertama (7 Jun 1999) dan pegawai telah mempunyai genap 10 tahun perkhidmatan yang melayakkan, tertakluk kepada Pihak Berkuasa Melantik yang sama ketika di Gred J5 dan Gred J41.

Tarikh Lantikan Pertama/Baharu	Kurang 10 Tahun Perkhidmatan Yang Melayakkan				Genap 10 Tahun Perkhidmatan Yang Melayakkan			
	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tertinggi	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tertinggi
Sebelum 1 September 2005	20	25	30	30	25	30	35	35
Mulai 1 September 2005 hingga 31 Disember 2008	20	25	30	30	25	30	30	30
Mulai 1 Januari 2009	20	25	25	25	25	25	25	25

3. Puan Sim dilantik ke Gred J17 pada tahun 2004 dengan kadar Cuti Rehat 20 hari. Kemudian, pegawai dinaikkan pangkat ke Gred J22 pada tahun 2011 dengan kadar Cuti Rehat 25 hari. Mulai 1 Julai 2013, pegawai telah menerima opsyen pertukaran pelantikan ke Gred JA29 di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 2013. Pegawai genap 10 tahun perkhidmatan pada tahun 2014. Berapakah kelayakan Cuti Rehat beliau mulai 1 Januari 2016?

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 23 Tahun 2013 menjelaskan bahawa urusan pertukaran pelantikan tidak melibatkan sebarang perubahan elaun dan kemudahan yang sedang diterima oleh pegawai. Mulai 1 Julai 2013, kadar kelayakan Cuti Rehat pegawai ialah sebanyak 25 hari dan akan dinaikkan kepada 30 hari apabila pegawai telah genap 10 tahun perkhidmatan yang melayakkan pada tahun 2014.

Mulai 1 Januari 2016, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan pegawai adalah sebanyak 30 hari iaitu berdasarkan tarikh lantikan tetap pertama (tahun 2004) dan pegawai telah genap 10 tahun perkhidmatan yang melayakkan.

4. Encik Mikael dilantik ke Gred N17 pada 17 Januari 2005 dengan kadar Cuti Rehat 20 hari. Kemudian, pegawai dinaikkan pangkat ke Gred N22 dengan kadar Cuti Rehat 25 hari. Pegawai telah genap 10 tahun perkhidmatan pada tahun 2015 dengan kadar Cuti Rehat 30 hari. Bagaimanakah pengiraan Cuti Rehat tahunan pegawai apabila genap 10 tahun perkhidmatan yang melayakkan?

Penentuan 10 tahun tempoh perkhidmatan yang melayakkan untuk tujuan pelarasan kadar kelayakan kemudahan Cuti Rehat tahunan diberikan sehari selepas pegawai menggenapkan 10 tahun perkhidmatan yang melayakkan tanpa bersekadar *proportionate* berdasarkan tarikh lantikan pertama di Perkhidmatan Awam Persekutuan, selaras dengan peruntukan di bawah Perintah Am 8(b) Bab C Tahun 1974.

Tarikh Lantikan Pertama/Baharu	Kurang 10 Tahun Perkhidmatan Yang Melayakkan				Genap 10 Tahun Perkhidmatan Yang Melayakkan			
	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tinggi	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tinggi
Sebelum 1 September 2005	20	25	30	30	25	30	35	35
Mulai 1 September 2005 hingga 31 Disember 2008	20	25	30	30	25	30	30	30
Mulai 1 Januari 2009	20	25	25	25	25	25	25	25

5. Puan Ruzina dilantik sebagai Jurupulih Perubatan (Anggota) Gred U8 pada 1 November 1991 dengan kadar Cuti Rehat 25 hari. Kemudian, pegawai dinaikkan pangkat sebagai Jurupulih Perubatan (Anggota) Gred U7 pada 20 Disember 2000 dengan kadar Cuti Rehat 30 hari. Pegawai telah genap 10 tahun perkhidmatan pada tahun 2001 dengan kadar Cuti Rehat 35 hari. Pegawai tidak menerima opsyen di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil.14 Tahun 2008 (PP14/2008) dan memilih kekal di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002 (PP4/2002). Pada 16 April 2009, pegawai dinaikkan pangkat sebagai Jurupulih Perubatan (Anggota) Gred U36. Pada 18 Ogos 2014, pegawai dilantik sebagai Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41 dengan kadar Cuti Rehat 25 hari. Berapakah kelayakan Cuti Rehat beliau mulai 1 Januari 2016?

Mulai 1 Januari 2016, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan pegawai ialah sebanyak 35 hari iaitu berdasarkan tarikh lantikan tetap pertama (1 November 1991) dan pegawai telah genap 10 tahun perkhidmatan yang melayakkan, tertakluk kepada Pihak Berkuasa Melantik yang sama ketika di Gred U8 dan Gred U41.

6. Encik Hakim dilantik ke Gred R1 pada 1 Mac 2005 oleh SUK Selangor dengan kadar Cuti Rehat 20 hari. Pegawai tidak menerima opsyen di bawah PP14/2008 dan memilih kekal di bawah PP4/2002. Pada 16 Februari 2009, pegawai dilantik ke Gred R11 oleh Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dengan kadar Cuti Rehat 20 hari. Pada 9 Mac 2013, pegawai dinaikkan pangkat ke gred R22. Pada 1 November 2013 pula pegawai menerima pertukaran pelantikan ke gred H22 dengan kadar Cuti Rehat 25 hari. Berapakah kelayakan Cuti Rehat beliau mulai 1 Januari 2016?

Mulai 1 Januari 2016, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan pegawai ialah sebanyak 30 hari iaitu berdasarkan tarikh lantikan tetap pertama (1 Mac 2005) dan pegawai telah genap 10 tahun perkhidmatan yang melayakkan, tertakluk kepada Pihak Berkuasa Melantik yang sama ketika di Gred R1 dan Gred H22 .

Tarikh Lantikan Pertama/Baharu	Kurang 10 Tahun Perkhidmatan Yang Melayakkan				Genap 10 Tahun Perkhidmatan Yang Melayakkan			
	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tertinggi	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tertinggi
Sebelum 1 September 2005	20	25	30	30	25	30	35	35
Mulai 1 September 2005 hingga 31 Disember 2008	20	25	30	30	25	30	30	30
Mulai 1 Januari 2009	20	25	25	25	25	25	25	25

7. Puan Hazwani dilantik sebagai Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F29 pada 2 Januari 2001. Beliau telah bersetuju memilih kadar Cuti Rehat tahunan di bawah PP14/2008 mulai 1 Januari 2009. Pegawai telah genap 10 tahun perkhidmatan yang melayakkan dengan kadar kelayakan Cuti Rehat 25 hari (pemilihan opsyen PP14/2008). Berapakah kelayakan Cuti Rehat beliau mulai 1 Januari 2016?

Mulai 1 Januari 2016, kadar Cuti Rehat tahunan pegawai ialah sebanyak 30 hari iaitu berdasarkan tarikh lantikan pertama pada 2 Januari 2001 dan pegawai telah genap 10 tahun perkhidmatan yang melayakkan.

8. Puan Nora dilantik sebagai Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 pada 16 April 2001 dengan kadar Cuti Rehat 25 hari. Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat ke Gred N32 pada tahun 2010 dengan kadar Cuti Rehat sebanyak 30 hari. Pegawai tidak menerima opsyen di bawah PP14/2008 dan memilih kekal di bawah PP4/2002. Pada 15 April 2011, pegawai telah genap 10 tahun perkhidmatan yang melayakkan untuk mendapat tambahan lima (5) hari kadar Cuti Rehat dan kelayakan Cuti Rehat baharu ialah 35 hari. Berapakah kelayakan Cuti Rehat mulai 1 Januari 2016?

Mulai 1 Januari 2016, kadar Cuti Rehat tahunan pegawai ialah sebanyak 35 hari iaitu berdasarkan tarikh lantikan pertama pada 16 April 2001 dan pegawai telah genap 10 tahun perkhidmatan yang melayakkan.

9. Encik Anas dilantik sebagai Penolong Penguasa Kastam, Gred W27 pada 5 Januari 2009. Pada 5 Ogos 2015, beliau telah dilantik sebagai Akauntan, Gred W41 dengan kadar Cuti Rehat 25 hari. Berapakah kelayakan Cuti Rehat pegawai mulai 1 Januari 2016?

Mulai 1 Januari 2016, kadar Cuti Rehat tahunan pegawai ialah sebanyak 25 hari iaitu berdasarkan tarikh lantikan pertama pada 5 Januari 2009.

SYARAT CUTI REHAT

PAC 9(a)

Berdasarkan perkhidmatan yang melayakkan (dikira ke setengah hari berhampiran).

PAC 7

Boleh diambil pada bila-bila masa dalam sesuatu tahun.

PAC 7

Diluluskan oleh Ketua Jabatan.

PAC 9(c)

Hari kelepasan mingguan dan hari cuti am tidak akan diambil kira sebagai cuti rehat.

FORMULA PENGIRAAN KELAYAKAN CUTI REHAT

Tempoh Perkhidmatan yang Melayakkan x Kelayakan CR Tahunan
Setahun (365 hari)

Contoh Pengiraan Kelayakan CR:



Cuti Separuh Gaji selama 122 hari

$$\begin{aligned} & \frac{243}{365} \times 25 \text{ hari} \\ &= 16.64 \\ &= \mathbf{17 \text{ hari}} \end{aligned}$$

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

Ketua Jabatan hendaklah merekodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai:
Kadar Kelayakan Cuti Rehat Tahunan di bawah PP Bil. 11/2015

“Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2015, maka Opsyen dan pemakaian kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan di bawah PP Bil. 14/2008 adalah terhenti berkuat kuasa mulai 1 Januari 2016. Kadar kelayakan kemudahan Cuti Rehat tahunan pegawai mulai 1 Januari 2016 adalah _____ hari.”

PENGIRAAN CUTI REHAT

Cuti Rehat adalah cuti bergaji penuh yang diberi kerana perkhidmatan yang melayakkan dalam sesuatu tahun, dari bulan Januari hingga Disember dengan kelulusan Ketua Jabatan - Perintah Am Bab C 1(ii)

TEMPOH PERKHIDMATAN
YANG MELAYAKAN
—————
SETAHUN (365 HARI)



KELAYAKAN CUTI
REHAT TAHUNAN

SENARIO 1

Tahun pegawai
mula dilantik

Lantikan Pertama
(20.3.1987)

$$\frac{287}{365} \times 25 = 19.66 =$$

20 Hari

Jumlah hari bekerja pegawai dikira mulai dari 20.3.1987 sehingga 31.12.1987. Kelayakan **cuti rehat yang layak dikira kesetengah hari berhampiran**

SENARIO 2

Sekiranya ada tempoh
perkhidmatan yang tidak
melayakkan

Cuti Haji 40 hari
(1.3.2020 – 9.4.2020)

$$\frac{(365-40)}{365} \times 25 = 22.26 =$$

22 Hari

Cuti Haji tergolong dalam **Perkhidmatan Yang Tidak Melayakkan**, dan akan memberi kesan kepada kelayakan cuti rehat

SENARIO 3

Tahun akhir
perkhidmatan pegawai

Tarikh Bersara
(10.5.2020)

$$\frac{130}{365} \times 25 = 12.46 =$$

12 Hari

Jumlah hari bekerja pegawai dikira mulai dari 1.1.2020 sehingga 9.5.2020 iaitu hari terakhir perkhidmatan

CUTI REHAT BAGI PEGAWAI LANTIKAN KONTRAK DAN SEMENTARA

Layak kepada pegawai kontrak dan sementara yang **tidak menikmati kemudahan Cuti Penggal dan Cuti Rehat Khas**
(Ceraian SR.5.1.1)

Kadar Cuti Rehat:
(lantikan sebelum 1 Jan 2009)
(Perenggan 54.1, PP Bil. 2/2008)
mengikut kelayakan pegawai tetap yang setaraf yang berkhidmat kurang daripada 10 tahun

Pesara Kerajaan yang dilantik secara kontrak:

Kelayakan CR berdasarkan kadar kelayakan **sehari sebelum bersara**
(Ceraian UP.1.1.8)

Kadar Cuti Rehat:
(lantikan mulai 1 Jan 2009)
(Ceraian SR.5.1.1)

Kumpulan/Gred	Kadar Kelayakan CR
Pengurusan Tertinggi	25 hari
31 – 54	25 hari
21 – 30	25 hari
1 – 20	20 hari

Baki cuti tidak diambil akan **luput** apabila sesuatu tempoh kontrak pegawai yang berkuat kuasa tamat
(Perenggan 54.1, PP Bil. 2/2008)

CUTI SEPARUH GAJI

PAC 13(a)(ii) / PAC 51(a)(ii) & Ceraian SR.5.1.2

PUNCA KUASA

- ✓ PAC 13(a)(ii) : Bukan Guru
- ✓ PAC 51(a)(ii) : Guru
- ✓ Ceraian SR.5.1.2

- Sebab-sebab **kesihatan sanak saudara** yang rapat kepada pegawai itu (PAC 13(a)(ii)).
- Atas sebab-sebab **kesihatan** yang meliputi **keluarga** pegawai sendiri (**isteri/suami** dan **anak-anak**), **ibu bapa**, **adik beradik**, **ibu bapa mentua**, **nenek** dan **datuk** pegawai (Ceraian SR.5.1.2).
- Guru:
Membuat **lawatan-sambal-belajar di luar negara** yang telah diluluskan oleh KSU tidak melebihi had satu-satu penggal sekolah [PAC 51(a)(iii)].



- ✓ Adik beradik PAC 1(x)
- ✓ Ibu bapa
- ✓ Lain-lain saudara mara yang rapat kepada pegawai

KADAR

bagi tiap-tiap genap tahun perkhidmatan yang melayakkan tetapi **tidak melebihi 180 hari** sepanjang perkhidmatan.

30
HARI

PIHAK BERKUASA MELULUS CUTI SEPARUH GAJI

KETUA JABATAN

KUASA TERTENTU

Pengarah
JPN

JPN/ PPD/
Sekolah PTJ

SPP KPM Bil. 1/2009

Penurunan kuasa urusan pengendalian dan
pengemaskinian Buku Rekod Perkhidmatan

Ketua Jabatan boleh
meluluskan CSG **untuk 14
hari pertama** dalam satu
tahun kalendar.

PAC13(d)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

BPSM, KPM

CSG > **14 hari** dalam
satu tahun kalendar.

SPP Bil. 5/1985 &
Surat KPM: KP(PP)0046/SJ'A'/(30)
bertarikh 24 Disember 1973

KAEDAH PELAKSANAAN KUASA MELULUS CUTI SEPARUH GAJI

Surat KPM: KPMSMSP.500/4/1/13 Jld.13 (91) bertarikh 22 Disember 2015

Bil	Tempoh Permohonan CSG	Kelulusan KJ	Kelulusan KT	Catatan
1.	Permohonan pertama 1/10/2021 - 10/10/2021 = 10 hari (a)	✓		Tempoh CSG ≤ 14 hari
	Permohonan kedua 2/11/2021 – 6/11/2021 = 5 hari (b)		✓  KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BPSM, KPM	Tempoh CSG (a) + (b) >14 hari

KAEDAH PELAKSANAAN KUASA MELULUS CUTI SEPARUH GAJI

Surat KPM: KPMSM.500/4/1/13 Jld. 13 (91) bertarikh 22 Disember 2015

Bil	Tempoh Permohonan CSG	Kelulusan KJ	Kelulusan KT	Catatan
2.	Permohonan > 14 hari 1/10/2021 - 30/10/2021 = 30 hari		  KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BPSM, KPM	Permohonan dalam satu borang
3.	Permohonan <u>melangkau</u> tahun 1/10/2021 - 31/1/2022 = 123 hari [92 hari tahun 2021] [31 hari tahun 2022] *CSG selain lawatan-sambil-belajar di luar negara dikira bersambungan jika meliputi kedua-dua tempoh penggal sekolah dan cuti penggal sekolah (PAC 51(c))		  KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BPSM, KPM	Permohonan dalam satu borang

CARA PERKIRAAN KELAYAKAN CUTI SEPARUH GAJI BERDASARKAN PERKHIDMATAN MELAYAKKAN

Tempoh Perkhidmatan yang Melayakkan x 30 hari
Setahun (365 hari)

Maksimum: 180 hari

2. Berapakah kelayakan bagi CSG bagi pegawai yang telah berkhidmat selama 1 tahun 6 bulan?

Kelayakan CSG ialah sebanyak 30 hari bagi tiap-tiap genap tahun perkhidmatan yang melayakkan tetapi tidak boleh melebihi 180 hari. Maka, berdasarkan pengiraan berikut, kelayakan CSG pegawai ialah sebanyak 45 hari, termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am.

$$\text{CSG} = \frac{\text{Tempoh PYM(hari)} \times 30 \text{ hari}}{365}$$

$$\begin{aligned} &= (547 \text{ hari} / 365 \text{ hari}) \times 30 \text{ hari} = 44.95 \\ &= 45 \text{ hari} \end{aligned}$$

1.5 tahun = 547.5

Tempoh perkhidmatan melayakkan = **547 hari**

CARA PERKIRAAN KELAYAKAN CUTI SEPARUH GAJI BERDASARKAN PERKHIDMATAN MELAYAKKAN

Tempoh Perkhidmatan yang Melayakkan x 30 hari
Setahun (365 hari)

Maksimum: 180 hari

Tarikh lantik tetap	1 November 2014
Mohon CSG mulai	1 Februari 2022
Tempoh perkhidmatan	2,648 hari (1 November 2014 – 31 Januari 2022)
Kelayakan CSG	$(2,648/365) \times 30 = 217.64$
Kelayakan CSG (maksimum)	180 hari

SENARAI SEMAK PERMOHONAN CUTI SEPARUH GAJI

Format CSG1A/01/2019

SENARAI SEMAK

PERMOHONAN CUTI SEPARUH GAJI DI BAWAH PERUNTUKAN PERINTAH AM 13(a)(ii)/ 51(a)(ii) BAB C PERINGKAT KELULUSAN KUASA TERTENTU

BIL.	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	TANDA (/)
1.	Surat iringan daripada Ketua Jabatan.	☐
2.	Borang/ Surat permohonan Cuti Separuh Gaji daripada pegawai.	☐
3.	Salinan perakuan Pegawai Perubatan yang mengesahkan ahli keluarga/ sanak saudara rapat yang sakit dan memerlukan penjagaan .	☐
4.	Salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan yang telah dikemaskini hingga tarikh semasa.	☐
5.	Salinan Kenyataan Cuti yang telah dikemaskini hingga tarikh semasa. (Kenyataan Cuti di dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai.)	☐
6.	Salinan dokumen yang membuktikan pertalian pegawai dengan keluarga/ sanak saudara rapat yang sakit dan memerlukan penjagaan.	☐

Catatan:

Setiap permohonan Cuti Separuh Gaji yang dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia selaku **Kuasa Tertentu** hendaklah **lengkap** berdasarkan **SENARAI SEMAK** di atas bagi memastikan permohonan dapat diproses dengan segera. **Permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada Ketua Jabatan dan perlu dikemukakan semula sebagai PERMOHONAN BAHARU YANG LENGKAP dengan kadar segera.**

Ketua Jabatan boleh merujuk **Surat BPSM,KPM rujukan KPMS.500/4/1/13 Jld. 3 (91) bertarikh 22 Disember 2015** bagi penjelasan mengenai **Kaedah Pengiraan Cuti Separuh Gaji** bagi menentukan peringkat kelulusan Ketua Jabatan atau Kuasa Tertentu.

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Unit Saraan, Kemudahan dan Hubungan Kesatuan, Cawangan Perkhidmatan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia KPM.

Must-know

CUTI TANPA GAJI

PAC 14(a) & PAC 52 & Ceraian SR.5.1.3

PUNCA KUASA

- ✓ PAC 14(a) & (b) dan Ceraian SR.5.1.3 - Urusan sendiri di dalam Malaysia.
- ✓ PAC 14(a) & (c) dan Ceraian SR.5.1.3 - Urusan sendiri di luar Malaysia.
(layak sekali lagi sehingga **4 tahun** telah berlalu selepas cuti yang pertama)

Atas **sebab-sebab persendirian** yang mustahak.

KADAR

30

HARI

bagi tiap-tiap genap tahun perkhidmatan yang melayakkan tetapi **tidak melebihi 360 hari sepanjang perkhidmatan.**

CUTI TANPA GAJI

PAC 14(a) & PAC 52 & Ceraian SR.5.1.3

KUASA MELULUS

- ✓ Ketua Jabatan.
(JPN/PPD/Sekolah PTJ)
- ✓ Perlu **direkod** dalam rekod perkhidmatan.

Syarat minimum:

- **6 bulan** perkhidmatan yang melayakkan.
- Telah menggunakan **semua Cuti Rehat** yang berkelayakan.
- Baki CTG boleh digunakan **selagi tidak mencapai had maksimum** yang dilayaki.
- CTG yang jatuh pada **cuti penggal sekolah** akan terus dianggap sebagai CTG (PAC 52).

CARA PERKIRAAN KELAYAKAN CUTI TANPA GAJI BERDASARKAN PERKHIDMATAN MELAYAKKAN

**Tempoh Perkhidmatan yang Melayakkan x 30 hari
Setahun (365 hari)**

Maksimum: 360 hari

2. Berapakah kelayakan CTG pegawai yang telah berkhidmat selama 1 tahun 6 bulan?

Kelayakan CTG adalah sebanyak 30 hari bagi tiap-tiap genap tahun perkhidmatan yang melayakan tetapi tidak boleh melebihi 360 hari.

Maka, berdasarkan pengiraan berikut, kelayakan CTG pegawai adalah sebanyak 45 hari, termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am.

CTG = Tempoh PYM (hari) x 30 hari

365 hari

= (547hari / 365 hari) x 30 hari = 44.96

= 45 hari

1.5 tahun = 547.5

Tempoh perkhidmatan melayakkan = **547 hari**

CARA PERKIRAAN KELAYAKAN CUTI TANPA GAJI BERDASARKAN PERKHIDMATAN MELAYAKKAN

Tempoh Perkhidmatan yang Melayakkan x 30 hari
Setahun (365 hari)

Maksimum: 360 hari

Tarikh lantik tetap	1 November 2008
Mohon CTG mulai	1 Februari 2022
Tempoh perkhidmatan	4,839 hari (1 November 2008 – 31 Januari 2022)
Kelayakan CTG	$(4,839/365) \times 30 = 397.72$
Kelayakan CTG (maksimum)	360 hari

CUTI TANPA GAJI BAGI PEGAWAI YANG MENGIKUT PASANGAN BERTUGAS ATAU BERKURSUS DI DALAM ATAU DI LUAR NEGARA

Ceraian SR.5.1.4

TEMPOH

**TEMPOH PASANGAN
BERTUGAS/ BERKURSUS**

Pegawai agensi awam **ATAU** swasta **ATAU** agensi antarabangsa yang bertugas **ATAU** berkursus di **dalam atau luar negara** yang tempohnya **MELEBIHI 3 BULAN**.

TIDAK TERTAKLUK
SYARAT KEMBALI BERTUGAS 1
TAHUN UNTUK PERMOHONAN
BERIKUTNYA.

Dianugerahkan **bantuan kewangan** oleh Kerajaan atau mana-mana institusi dalam/ luar negara yang menawarkan **pembiayaan kursus**.

KUASA MELULUS

Ketua Jabatan

Disahkan menerima **tawaran dan melapor diri** mengikuti kursus di institusi pengajian (perbelanjaan sendiri).

**Perlu dimaklumkan kepada
Ketua Perkhidmatan**

Pegawai perlu berada bersama pasangan dalam menjalankan tugas terutama yang melibatkan **kepentingan jawatan tertentu** iaitu **Anggota Pentadbiran**.

CUTI TANPA GAJI BAGI PEGAWAI YANG MENGIKUT PASANGAN BERTUGAS ATAU BERKURSUS DI DALAM ATAU DI LUAR NEGARA

Pegawai yang layak:

- Pegawai **bertaraf tetap** termasuk pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatan.

Pegawai yang tidak layak:

- Pegawai **lantikan sementara** atau **kontrak**.

CUTI REHAT KHAS

Ceraian SR.5.1.5

- Cuti Sambilan diganti dengan Cuti Rehat Khas (CRK) yang berkuat kuasa mulai **1 Mac 2004**.

- Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang **mengajar** dan diberi kemudahan **cuti penggal/semester** di sekolah atau institusi pendidikan.

- Pengetua/ Guru Besar/ Ketua Institusi Pendidikan/ pegawai yang diberi kuasa semasa ketiadaan pegawai berkenaan boleh meluluskan CRK dengan memastikan keberkesanan pengurusan **Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)** di sekolah/ institusi pendidikan tidak terjejas.



CRK TIDAK HABIS?

Tidak boleh dibawa ke tahun hadapan.

Dibenarkan untuk dikumpul bagi pemberian **GCR** berdasarkan perkhidmatan yang melayakkan.

Maksimum **160 hari**.

Kebenaran Ketua Jabatan.



CUTI REHAT KHAS

Ceraian SR.5.1.5

7

HARI

Sebelum
1 Januari 2018
(PP Bil. 4/1977)

10

HARI

1 Januari 2018 –
31 Ogos 2022
(PP Bil. 3/2005)

Mulai 1 September 2022

Kurang 10 tahun
perkhidmatan
yang melayakkan

10 hari

Lebih 10 tahun
perkhidmatan
yang melayakkan

15 hari

KELAYAKAN

Bilangan CRK yang layak diambil oleh pegawai adalah **secara prorata** berdasarkan tempoh perkhidmatan yang melayakkan.

DIPANJANGKAN KEPADA

Guru Sandaran/
Guru Interim

Guru
Kontrak

Pegawai yang telah diluluskan Cuti Rehat Khas **melebihi** dari bilangan yang dilayaki secara prorata dan kemudiannya **tidak dapat memenuhi** tempoh perkhidmatan yang melayakkan cuti tersebut pada tahun berkenaan, urusan **pemotongan emolumen** hendaklah dilakukan sebagai mengganti cuti yang telah terlebih diambil.

CUTI REHAT KHAS BOLEH DIBERIKAN MELEBIHI DARI BILANGAN YANG DILAYAKI SECARA PRORATA BAGI **9** TUJUAN:

1. Menziarahi **ahli keluarga** dan **sanak saudara rapat** yang sakit tenat atau meninggal dunia.
2. Mengiringi ahli keluarga untuk **mendapatkan rawatan**.
3. Menghadiri **upacara keagamaan** yang dianuti oleh pegawai.
4. Dalam keadaan **kecemasan** atau **kemalangan** yang menimpa seperti kebakaran, banjir dan sebagainya.
5. Menghadiri **majlis konvokesyen** bagi pegawai atau ahli keluarga.
6. **Mendaftar anak** ke sekolah atau institusi pengajian tinggi (di dalam atau di luar negara).
7. Menunaikan **fardhu haji** sekiranya tempoh 40 hari tidak mencukupi.
8. Menghadiri **kursus suai kenal** bagi kursus luar kampus.
9. **Perkahwinan** pegawai/ anak pegawai.

Ahli Keluarga

Suami / Isteri dan anak-anak pegawai.

Sanak Saudara Rapat

Ibu bapa kandung/ ibu bapa mentua/ ibu bapa tiri/ ibu bapa angkat yang sah di sisi undang-undang/ ibu bapa saudara/ adik beradik/ datuk/ nenek/ suami/ isteri pegawai.

FORMULA PENGIRAAN CRK

Tempoh Perkhidmatan yang Melayakkan x Kelayakan CRK
Setahun (365 hari)

Contoh Pengiraan Kelayakan CRK:



Cuti Separuh Gaji selama 122 hari

$$\frac{243}{365} \times 10 \text{ hari}$$


$$= 6.66$$

$$= \mathbf{7 \text{ hari}}$$

JENIS CUTI BERTUKAR DARI CRK KE CRT ATAU SEBALIKNYA



Mengajar



Tidak Mengajar


Baki CRK/CRT di tempat/jawatan terdahulu **tidak boleh** digunakan di tempat bertugas/jawatan baharu.

Baki cuti yang tidak dapat digunakan **boleh dikumpul** bagi tujuan Pemberian Wang Tunai **GCR**.

Pemotongan emolumen/pelarasan cuti tidak perlu dibuat ke atas **CRK** yang telah **diambil melebihi** bilangan yang dilayaki secara prorata.

Puan Suhaila merupakan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang mengajar di Sekolah B pada 1 Januari 2018. Beliau telah **diarahkan bertukar ke Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) sebagai pentadbir berkuat kuasa pada 1 Mei 2018** dan diperuntukkan Cuti Rehat Tahunan (CRT) menggantikan Cuti Rehat Khas (CRK) yang diterimanya semasa mengajar di sekolah. Beliau telah menggunakan CRK secara pendahuluan sebanyak 5 hari pada 8 hingga 12 Januari 2018 kerana urusan kecemasan di kampung. Beliau telah menggunakan CRT sebanyak 12 hari sepanjang tahun 2018.

(Andaian kelayakan CRK dan CRT pegawai masing-masing adalah 10 hari setahun dan 25 hari setahun)



Ilustrasi penjelasan di atas adalah seperti berikut:

Tarikh	Tempat Bertugas	Keterangan	Kelayakan Cuti (Hari)	
			CRK	CRT
1.1.18 - 30.4.18 (120 hari)	Sekolah	Kelayakan CRK 2018	3	-
		CRK diambil secara pendahuluan	-5	-
		Baki CRK pada 30.4.18	-2	-
1.5.18 - 31.12.18 (245 hari)	PPD	Kelayakan CRT 2018	-	17
		CRT diambil	-	-12
		Baki CRT pada 31.12.18	-	5

Apabila pegawai berpindah dari sekolah ke PPD:

- Pegawai layak menggunakan kemudahan CRT pada kadar prorata sebanyak 17 hari.
- Tiada pemotongan emolumen atau pelarasan cuti perlu dibuat ke atas Cuti Rehat Khas yang telah diambil melebihi bilangan yang dilayaki secara prorata.
- CRT yang boleh dikumpul untuk tujuan GCR adalah **separuh dari kelayakan CRT** pada tahun tersebut. Baki CRT **boleh** dibawa ke tahun berikutnya kerana pegawai masih berkhidmat di PPD.

KEMUDAHAN CUTI TANPA GAJI BAGI PEGAWAI KONTRAK

Ceraian UP.1.1.8

TIDAK
MELEBIHI

40

HARI

KADAR

Pegawai telah
berkhidmat sekurang-
kurangnya 3 tahun.

TUJUAN

Menunaikan fardhu haji

(bagi pegawai kontrak beragama
Islam yang tidak layak mendapat
Cuti Haji Bergaji Penuh).

Perintah Am 14A Bab C

Tiada Gaji Bagi Tempoh Tidak Hadir Bekerja Tanpa Cuti

Jika seseorang pegawai itu tidak hadir bekerja bagi sesuatu tempoh tanpa sesuatu sebab yang pada pendapat Ketua Jabatan adalah **satu sebab yang munasabah**, maka pegawai itu **tidaklah berhak mendapat apa-apa gaji atau lain-lain emolumen** bagi tempoh tidak hadir bekerja itu.

KEMUDAHAN MEMBAWA KE HADAPAN CUTI REHAT YANG TIDAK DAPAT DIAMBIL

Ceraian SR.5.1.6

Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang tidak dapat mengambil cuti rehatnya kerana kepentingan perkhidmatan dibenarkan mengumpul baki cuti rehatnya yang ia berkelayakan dalam tempoh **dua tahun perkhidmatan**, ke **tahun ketiga**. **Cuti tahun pertama yang tidak dihabiskan dalam tahun ketiga akan LUPUT pada akhir tahun ketiga.**



Permohonan Cuti Rehat Tahunan, Cuti Rehat Khas, Gantian Cuti Rehat (GCR) dan Cuti Dibawa Ke Hadapan hendaklah **sepenuhnya** dilaksanakan melalui Submodul Pengurusan Cuti dalam **HRMIS**.

[KPI HRMIS KPM Tahun 2022]

Kaedah Pengumpulan Cuti Rehat Kepada Gantian Cuti Rehat

Ceraian PP.1.3.1

- Walau apa pun kaedah pengumpulan cuti rehat yang terpakai kepada seseorang pegawai, jumlah hari cuti rehat yang boleh dikumpul bagi GCR ialah **maksimum 15 hari** atau **setengah daripada kadar cuti rehat** yang pegawai itu layak bagi **tahun tersebut**, mengikut mana yang kurang.

GCR = Cuti Rehat tahun semasa sahaja



GCR DIGUNAKAN SEBAGAI CUTI REHAT PADA TAHUN PERSARAAN

Ceraian PP.1.3.3

- Pegawai yang layak untuk menggunakan kemudahan cuti rehat pada tahun akhir perkhidmatan ialah pegawai yang mengumpul GCR melebihi **160 hari pada tahun persaraan**, yang mana hanya GCR yang melebihi 160 hari boleh digunakan sebagai cuti rehat.
- Pegawai boleh menggunakan cuti ini secara **sekaligus** ataupun **berperingkat** dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh bersara tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.

Tahun persaraan: 12 bulan sebelum tarikh persaraan



CONTOH

	2019 TAHUN PERTAMA	2020 TAHUN KE-2	2021 TAHUN KE-3	2022 TAHUN KE-4
	HARI	HARI	HARI	HARI
		CR + C/F	CR + C/F	CR + C/F
KCR (+ C/F)	30	30 10	30 20+ <u>5</u>	30 15+ <u>20</u>
CR Yang Diambil	20		2	10
GCR	-	10	15	15
Baki CR di bawa ke tahun hadapan (C/F)	10	20 (30-10)	5 (10-5)	15 (30-15)
Cuti Luput	-	-	3 (5-2)	10 (20-10)

CUTI REHAT/CUTI REHAT KHAS SELEPAS BERKURSUS LEBIH 12 BULAN

PAC 37(b) & PAC 38 & Ceraian SR.5.1.7

Kursus > 12 bulan

Pegawai dianggap telah **menghabiskan** semua Cuti Rehat/Cuti Rehat Khas yang ia berkecualan mendapat **sebelum** pergi berkursus.

TEMPOH

Tidak lebih **7 Hari** tertakluk baki CRT/CRK yang berkecualan (tidak termasuk hari rehat mingguan/hari kelepasan am).

SYARAT

Pegawai masih mempunyai baki CRT/CRK **sebelum** pergi berkursus.

Diambil dalam **tempoh yang munasabah**.

KUASA MELULUS

Ketua Jabatan

CUTI PENGGAJ SEKOLAH

PAC 50(a)

Guru layak cuti penggal sebagai menggantikan cuti rehat.

SCHOOL
HOLIDAY

Ketua Jabatan boleh memanggil guru untuk menjalankan tugas selain daripada tugas mengajar biasa dalam cuti penggal sekolah bagi masa yang **tidak melebihi separuh** daripada jumlah cuti penggal sekolah dalam satu-satu tahun itu.

SCHOOL
HOLIDAY

KUMPULAN B:
Sekolah-sekolah di negeri: Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak,
 Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Wilayah Persekutuan
 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan & Wilayah Persekutuan
 Putrajaya

KALENDAR AKADEMIK SESI 2022/2023

Lampiran 4

PENGGAJ	MULA PERSEKOLAHAN	AKHIR PERSEKOLAHAN	JUMLAH HARI	JUMLAH MINGGU
1	21.03.2022	31.03.2022	9	11
	01.04.2022	30.04.2022	21	
	01.05.2022	31.05.2022	16	
	01.06.2022	03.06.2022	3	
	JUMLAH HARI		49	
CUTI PENGGAJ 1, SESI 2022/2023				
2	04.06.2022 - 12.06.2022		9	1
	13.06.2022	30.06.2022	14	
	01.07.2022	31.07.2022	20	
	01.08.2022	31.08.2022	22	
	01.09.2022	02.09.2022		
JUMLAH HARI				
CUTI 2				

SR.5.1: Cuti Kerana Perkhidmatan

**SR.5.2: Cuti Atas Urusan Peribadi,
Keluarga dan Kecemasan**

**SR.5.6: Urusan-
Urusan Lain
Berkaitan Cuti**

TEMA CUTI

**SR.5.5: Cuti Untuk
Urusan Pertubuhan
Ikhtisas, Kesatuan dan
Kemasyarakatan**

**SR.5.4: Cuti Atas Sebab
Perubatan dan
Penjagaan Orang Sakit**

**SR.5.3: Cuti Atas Sebab
Keagamaan dan
Kebudayaan**

CUTI TANPA REKOD URUSAN KEMATIAN AHLI KELUARGA TERDEKAT

Ceraian SR.5.2.1 & Ceraian UP.1.1.8

CUTI TANPA REKOD



TUJUAN

Membuat urusan pengebumian jenazah ahli keluarga terdekat dan untuk membantu waris-waris jenazah.

KELAYAKAN

- Pegawai lantikan tetap & kontrak (CoS)
- CTR bermula pada **tarikh kematian, ATAU**
- **Hari berikutnya** jika kematian selepas waktu pejabat (6.00 petang / 4.30 petang pada Hari Khamis bagi Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor – Ceraian SR.4.1.1).
- CTR **termasuk** hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan, hari kelepasan am.
- PPP yang diarah **bertugas semasa cuti penggal persekolahan** atau bertugas semasa penggal persekolahan.

- Suami
- Isteri
- Ibu kandung **atau** ibu angkat yang sah di sisi undang-undang
- Bapa kandung **atau** bapa angkat yang sah di sisi undang-undang
- Ibu mentua (seorang sahaja yang masih sah dalam ikatan perkahwinan. Cerai mati layak selagi belum berkahwin lain.)
- Bapa mentua (seorang sahaja yang masih sah dalam ikatan perkahwinan. Cerai mati layak selagi belum berkahwin lain.)
- Anak kandung
- Anak angkat yang sah di sisi undang-undang
- Anak angkat *de facto*
- Anak pelihara
- Adik-beradik (adik-beradik tiri tidak layak)
- Nenek (nenek pasangan tidak layak)
- Datuk (datuk pasangan tidak layak)

3 HARI
BERTURUT-TURUT



DASAR CUTI MENJAGA ANAK

Peraturan	Tarikh Kuat Kuasa	Catatan
PP 9/1991 (B)	01.01.1992	Cuti Menjaga Anak 90 hari bagi menyusu/ menjaga bayi selepas 42 hari Cuti Bersalin.
PP 2/1998 (B)	01.05.1998	Cuti Menjaga Anak 90 hari bagi menyusu/ menjaga bayi selepas 60 hari Cuti Bersalin.
PP 15/2007 (B)	03.09.2007	Cuti Menjaga Anak 1,825 hari @ 5 tahun
SPP 14/2007 (B)	03.09.2007	Penjelasan CMA di bawah PP 15/2007
PP 5/2014 (B)	01.01.2015	✓ CMA bersambung daripada Cuti Bersalin ✓ CMA tidak terikat dengan Cuti Bersalin ✓ Anak tiri tanggungan ✓ Anak angkat <i>de facto</i> / anak angkat ✓ Anak pelihara
Ceraian SR.5.2.2	01.01.2022	✓ Penambahbaikan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia



Kelulusan CMA di jabatan/perkhidmatan/pekeliling **terdahulu** hendaklah **diambil kira** bagi maksud kelayakan kemudahan di bawah Ceraian SR.5.2.2.

(Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri,
Pihak Berkuasa Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan)

CUTI MENJAGA ANAK

Ceraian SR.5.2.2

CMA BERSAMBUNG DARIPADA CUTI BERSALIN (TANPA GAJI)

TARIKH MULA



Mulai pada **tarikh selepas tamat tempoh CBBP**.

Mulai pada **tarikh pegawai melahirkan anak** bagi yang telah menggunakan 360 hari CBBP.

KADAR KELAYAKAN



1,825 hari (termasuk CMA Tidak Terikat dengan CBBP); sepanjang perkhidmatan.

Boleh diambil sekaligus atau sebahagian.

Mohon **30 hari sebelum** tamat tempoh CBBP.

KUASA MELULUS



Ketua Jabatan

Boleh melanjutkan tempoh CMA Bersambung Daripada CBBP dengan syarat tempoh yang dipohon **tidak terputus** daripada tempoh yang diluluskan.

CUTI MENJAGA ANAK

Ceraian SR.5.2.2

CMA **TIDAK TERIKAT** DENGAN CUTI BERSALIN (TANPA GAJI)

PEGAWAI



Pegawai **wanita** yang mempunyai:

- ✓ Anak kandung
- ✓ Anak angkat
- ✓ Anak tiri tanggungan
- ✓ Anak pelihara
- ✓ Anak angkat *de facto*

KADAR
KELAYAKAN



365 hari @ anak berumur 5 tahun; mana terdahulu sepanjang perkhidmatan.

Boleh diambil sekaligus atau sebahagian.

Mohon **30 hari sebelum** tarikh kuat kuasa CMA.

Layak mendapat **baki CMA** yang belum digunakan.

Tidak layak CMA untuk anak seterusnya, sekiranya telah menggunakan kelayakan sepenuhnya.

KUASA
MELULUS



Ketua Jabatan

CUTI MENJAGA ANAK

Ceraian SR.5.2.2

SYARAT-SYARAT UMUM

